05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# GUBAHAN LAGU TEMPATAN UNTUK PEMBANGUNAN PRODUK : MODUL ENSEMBEL INSTRUMENTAL REKODER

SAJASTANAH BIN IMAM KONING

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kertas projek yang dikemukakan kepada Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk Ijazah Sarjana Pendidikan (Muzik)

2010

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN

## Pengakuan Keaslian Penulisan

Nama Calon : SAJASTANAH BIN IMAM KONING

No. Matriks : M20082000279

Nama Ijazah :SARJANA PENDIDIKAN (MUZIK)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tajuk Kertas Projek :GUBAHAN LAGU TEMPATAN UNTUK PEMBANGUNAN PRODUK : MODUL ENSEMBEL INSTRUMENTAL REKODER

Bidang Pengkhususan :PENDIDIKAN MUZIK

Saya sahkan bahawa segala bahan yang terkandung dalam Kertas Projek ini adalah hasil usaha saya sendiri. Sekiranya terdapat hasil kerja orang lain atau pihak lain sama ada diterbitkan atau tidak (seperti buku, artikel, kertas kerja, atau bahan dalam bentuk yang lain seperti rakaman audio dan video, penerbitan elektronik atau internet) yang telah digunakan, saya telah pun merakamkan pengiktirafan terhadap sumbangan mereka melalui konvesyen akademik yang bersesuaian. Saya juga mengakui bahawa bahan yang terkandung dalam Kertas Projek ini belum lagi diterbitkan atau diserahkan untuk program atau ijazah lain di mana-mana universiti.

Tandatangan:........................................................................ Tarikh:.............................................

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# FACULTY OF MUSIC AND PERFORMING ARTS

Declaration of Originality in Writing

Candidate's Name : SAJASTANAH BIN IMAM KONING

Matrix's Number : M20082000279

Degree's Name :DEGREE OF EDUCATION (MUSIC)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Project Paper's Title :LOCAL SONGS ARRANGEMENT FOR PRODUCT DEVELOPMENT: THE RECORDER ENSEMBLE'S MODULE

Course :MUSIC EDUCATION

I hereby declared that every materials in this Project Paper is my original works. If there is any published or unpublished materials that have been used in this study, I have acknowledge them according to the specific academic convention. I also declared that al materials used in this Project Paper have not yet been published or submitted to any program or degree course in any university.

Signature:......................................................................... Date:....................................................

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

***Abstrak***

*Kajian ini dijalankan bertujuan untuk membangunkan bahan pembelajaran yang mempunyai ciri-ciri dan identiti tempatan. Pendekatan yang digunapakai adalah melalui penerapan lagu-lagu tempatan dalam bahan yang dibangunkan khusus untuk ensembel rekoder bagi pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah. Dengan sistem latihan berpandukan buku kaedah pancaragam barat, melodi-melodi tempatan seperti lagu rakyat, lagu tradisional dan lagu ciptaan penggiat muzik tempatan untuk kanak-kanak digunakan sepenuhnya menggantikan lagu-lagu barat yang sering dijadikan asas utama dalam pembelajaran bilik darjah di sekolah-sekolah di Malaysia. Produk yang dibangunkan dalam bentuk modul pembelajaran instrumental rekoder dalam bilik darjah kemudiannya diuji melalui temubual dan perbincangan dengan guru-guru muzik lain yang mempunyai pengalaman dalam bidang berkaitan.*

***Abstract***

*The purpose of this study is to develop the teaching materials which consist the local identifications. The method that had been used are the local songs which been applied as the teaching material in recorder ensemble's teaching for the primary and secondary schools. Base on the Western method book system, local melodies such as the folk songs, traditional songs and children songs composed by the local composers had been used totally to replace the Western songs that are usually been used as the main material in the music lesson for Malaysian classrooms. The product that had been developed comes in module form for the learning of an instrumental recorder ensembles for the classroom usage. The effectiveness and suitability of the module then were tested by interviewing and discussions amongst selected music teachers regarded to their knowledge and experience according to the subjected field.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BAB 1

# PENDAHULUAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1 PENGENALAN

Perlaksanaan pembelajaran instrumental secara ensembel di sekolah mempunyai kepentingannya terhadap pelajar-pelajar sekolah samada dari konteks muzikaliti mahu pun sosial. Pelbagai kajian telah dijalankan terhadap faedah dan kepentingan pelajar-pelajar yang mengikuti pembelajaran ensembel muzik instrumental.

Peter Cope (2002) menyatakan bahawa pembelajaran alat muzik adalah mempunyai perbezaan yang unik daripada aspek pendidikan formal. Pengajaran dan pembelajaran muzik instrumental sejak dari awal mempunyai konteks sosial yang signifikan, walaupun sebelum ianya dijadikan sebahagian dalam sistem pendidikan.



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daryl W. Kinney (2004) dalam kajiannya berkaitan penglibatan pelajar dalam pembelajaran ensembel dan kesannya terhadap keupayaan menyampaikan muzik secara berkesan turut menyatakan bahawa subjek kajian yang berasal dari latar belakang pengalaman membuat persembahan secara ensembel mampu memberikan persembahan muzik dengan kelainan dari aspek ekspresi berbanding subjek kajian yang sebaliknya.

Pengajaran dan pembelajaran rekoder di sekolah adalah antara aktiviti muzik instrumental yang dapat dilaksanakan memandangkan ia adalah antara instrumen yang tidak melibatkan kos yang terlalu tinggi berbanding instrumen-instrumen lain seperti alat-alat dari keluarga brass, alat tiup kayu atau alat bertali. Rekoder soprano atau deskan contohnya, boleh diperolehi di sekitar pasar raya tempatan dengan harga kurang dari RM15.00.

Pengajaran dan pembelajaran ensembel instrumental rekoder di sekolah-sekolah adalah antara aktiviti pembelajaran yang perlu dilaksanakan di dalam bilik darjah kerana ianya terkandung dalam huraian sukatan pelajaran Pendidikan Muzik di Malaysia. Bagi pembelajaran di luar bilik darjah atau kokurikulum pula, ensembel instrumental rekoder pada ketika ini adalah antara ensembel yang mempunyai pertandingannya sendiri bagi pelajar-pelajar sekolah rendah dari peringkat daerah sehinggalah ke peringkat kebangsaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara teknikalnya, setiap ensembel yang berkualiti dari setiap aspek muzikalitinya adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Rostam (2009), dalam kajiannya telah menyatakan bahawa penggunaan buku kaedah teknik bermain alat muzik merupakan salah satu cara yang sering digunakan oleh seorang jurulatih pancaragam bagi mencapai objektifnya untuk memahirkan ahli pancaragam atau *wind orchestra* dalam menguasai permainan alat muzik. Dalam kandungan buku tersebut terdapat beberapa item muzikal yang penting seperti skor gubahan lagu-lagu tradisional barat *(folk song),* latihan irama, teori-teori notasi muzik, penghasilan dinamik, latihan permainan alat muzik secara individu dan ensembel.



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dari aspek bahan-bahan dalam latihan muzik pelajar, variasi kepelbagaian melodi adalah perlu. Harald Jorgensen (2002) menyatakan terdapat pelbagai pembolehubah yang mempengaruhi hasil pembelajaran muzik pelajar. Pembolehubah ini melibatkan masa latihan, umur permulaan latihan, perbezaan dari aspek kualiti tenaga pengajar yang memberi latihan, kepelbagaian repetua dan penggunaan strategi latihan. Melalui buku-buku kaedah latihan rekoder yang terdapat di pasaran, masih berlaku kekurangan buku kaedah yang menggunakan sepenuhnya lagu-lagu tempatan sedangkan ianya adalah penting untuk perkembangan muzikal para pelajar.

Zoltan Kodaly (1993) berpendapat bahawa lagu rakyat dan lagu tradisional ialah bahan asas keupayaan rakyat, identiti adalah kepunyaan sesebuah negara, mempunyai nilai estetik yang tinggi dan bahan di dalam bahasa ibunda yang mudah difahami oleh kanak-kanak.

Kepentingan lagu tempatan dalam latihan muzik para pelajar mempunyai kaitan dari aspek penguasaan melodi secara ingatan. Zoltan Kodaly (1993) turut menyokong pendapat ini melalui kenyataannya;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *Menyanyi, bermain muzik dan menari mengikut lagu rakyat tempatan akan memberi satu ingatan yang mudah kepada pelajar dan ianya akan berkembang kepada lagu dari kebudayaan negara.*

Daryl W. Kinney (2004) menyatakan pelajar lebih mudah menguasai lagu yang biasa didengari *(America the Beautiful)* dengan irama dan *passing tone* yang mudah, di mana skor perbandingan yang mengambil kira aspek ketepatan ekspresi antara pelajar yang terlibat dengan ensembel muzik dan pelajar yang sebaliknya adalah sama.

Dalam konteks perbincangan di atas, Pendidikan Muzik di negara ini sebenarnya mempunyai limpahan lagu-lagu tempatan samada lagu tradisional, lagu rakyat sehinggalah ke lagu-lagu semasa seperti lagu patriotik yang melalui proses komposisi dari pelbagai generasi. Dari sudut pendidikan formalnya pula, apabila Pendidikan Muzik mula diperkenalkan dalam Kurikulum



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bersepadu Sekolah Rendah pada tahun 1983, pelajar-pelajar sekolah rendah telah didedahkan dengan lagu-lagu tempatan seperti contohnya Bapaku Pulang, Can Mali Can, Rasa Sayang, Anak Itik Tok Wi, Wau Bulan dan sebagainya.

Oleh yang demikian, kajian ini akan berfokus kepada satu projek pembinaan modul pembelajaran ensembel instrumental rekoder dengan pengisian gubahan lagu-lagu tempatan untuk digunakan di sekolah rendah atau pun menengah.

Rostam (2009) dalam rekabentuk buku kaedah pembelajaran instrumental pancaragam di sekolah telah menekankan elemen-elemen dalam gubahan muzik seperti gambarajah di bawah;




Gambarajah 1.1 : Pembinaan modul/ projek

Pembinaan modul pembelajaran ensembel instrumental rekoder yang akan dibangunkan turut mengaplikasikan strategi pembelajaran kognitif dalam memperkenalkan gubahan muzik di mana ianya berdasarkan konsep dari mudah kepada sukar. Gubahan-gubahan akan menekankan



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perkembangan penerimaan pelajar terhadap konsep muzik seperti bermula dengan permainan ensembel secara unison, dikuti oleh duet, trio dan akhir sekali dengan gubahan yang mempunyai variasi warna latar belakang seperti dron, kaunter sehinggalah kepada gubahan yang mempunyai latar belakang harmoni, berirama dan melodik. Konsep pembelajaran melalui permainan gubahan-gubahan dalam modul pembelajaran yang dibangunkan adalah seperti berikut;




Gambarajah 1.2 : Aras kesukaran gubahan muzik untuk dimainkan oleh pelajar



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.2 PERNYATAAN MASALAH

Pembelajaran rekoder di sekolah rendah dan menengah adalah antara aktiviti instrumental utama yang diminati oleh rata-rata pelajar muzik di sekolah. Ini kerana Pendidikan Muzik itu sendiri mempunyai tarikan dari sudut perlaksanaan aktiviti amalinya berbanding pembelajaran teori semata-mata. Sambutan terhadap pertandingan rekoder peringkat negeri Perak pada tahun 2008 juga dilihat amat menggalakkan di mana keseluruhan 10 daerah menghantar pasukan ensembel rekoder bagi menyertai pertandingan tersebut. Walau bagaimanapun, melalui pemantauan, pengkaji mendapati kualiti persembahan keseluruhan kumpulan yang menyertai dilihat perlu banyak penambahbaikkan terutama yang melibatkan penyampaian lagu yang bermutu dari aspek gubahannya.

Dalam satu temubual ringkas dengan salah seorang guru pengiring ensembel rekoder dari salah sebuah daerah yang menyertai pertandingan tersebut, responden telah mengatakan bahawa antara faktor perbezaan kumpulan di bawah pimpinannya dengan kumpulan yang memenangi pertandingan tersebut (kumpulan responden menduduki tempat keempat dari keseluruhan pasukan yang bertanding) ialah gubahan lagu dimainkan oleh pasukannya mempunyai perbezaan yang ketara dari sudut kualitinya. Kelemahan lagu yang dipersembahkan oleh kumpulan bimbingannya adalah disebabkan faktor pengalaman responden yang baru pertama kali menyertai pertandingan tersebut dan responden turut mengakui bahawa latar belakang yang minimum terhadap pengetahuan tentang gubahan muzik rekoder. Selain itu, faktor teknikal permainan seperti ton, dinamik dan keseimbangan turut kurang dikuasai oleh pelajar-pelajarnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan maklumat temubual tersebut juga, responden mengalami masalah latihan yang kurang sistematik sebelum pertandingan seperti kaedah bacaan semerta pelajar-pelajarnya di mana responden telah mengambil pendekatan terhadap pelajar-pelajarnya dengan bermain secara hafalan. Responden turut memberi kerjasama melalui perkongsian bahan dengan menunjukkan hasil gubahannya. Pengkaji mendapati terdapat beberapa kesalahan tonaliti yang tidak



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

disengajakan seperti harmoni minor kedua yang menghasilkan bunyi disonan dalam lagu. Ini adalah disebabkan oleh faktor responden yang tidak pernah didedahkan dengan pembelajaran gubahan sebelum ini.

Masalah berkaitan kekurangan sumber-sumber gubahan lagu tempatan bukan sahaja dalam aspek lagu-lagu rekoder sahaja tetapi turut dialami ensembel-ensembel instrumental lain. Bruce Gale (2001) dalam bukunya yang bertajuk *"The Band Director handbook"* menyatakan bahawa *"band director"* di Malaysia dan Indonesia seringkali berhadapan dengan masalah peruntukan kewangan untuk pembelian skor-skor muzik. Walau pun wang bukan faktor utama bagi sesetengan kumpulan pancaragam, permintaan terhadap gubahan lagu-lagu tempatan seperti lagu *"folk"* (rakyat) dan patriotik bagi tujuan penggunaan di sekolah dan memenuhi kehendak sivik adalah sukar untuk diperolehi di pasaran. Pendekatan yang biasanya diambil oleh guru-guru atau instruktor muzik ialah menghasilkan sendiri gubahan muzik lagu-lagu tempatan dari proses permulaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan pengkaji berdasarkan tinjauan di beberapa perpustakaan, kedai-kedai muzik dan internet, terdapat beberapa sumber rujukan untuk permainan alat rekoder samada dalam bentuk bahan bercetak atau laman web. Dalam tinjauan rambang tersebut, terdapat puluhan buku-buku rekoder terbitan luar negara. Dapatan tersebut dimuatkan sebahagiannya seperti jadual berikut;

| Bil. | Tajuk Buku | Kulit Depan | Pengarang | Sumber |
|---|---|---|---|---|
| 1. | The Recorder Consort 3 |   | Steve Rosenberg | Luar Negara |
| 2. | RecorderWorld Ensemble |   | Pan Wedswoods | Luar Negara |



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 3. | SATB Ensembles For Recorder |  | Craig Cassils | Luar Negara |
| 4. | Fun and Games with the Reorder Ensemble Collection |  | Koleksi Gubahan | Luar Negara |
| 5. | Recorder Duets from the Beginning |  | Koleksi Gubahan | Luar Negara |
| 6. | Sing, Clap and Play the Recorder Book 1 |  | Heather Cox dan Garth Rickard | Luar Negara |
| 7. | Silver Recorder Ensemble Pieces Silver |  | Association Board of the Royal School Music (ABRSM) | Luar Negara |

Jadual 1 : Buku Rekorder Terbitan Luar Negara



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala laman web yang membangunkan maklumat berkaitan permainan rekoder adalah seperti jadual 2 seperti di bawah.

| Bil. | Nama Laman Web | Paparan Laman Web | Alamat *URL* |
|---|---|---|---|
| 1. | Recorder Home Page |  | http://www.recorderhomepage.net/ |
| 2. | Recorder Music Centre |  | http://www.regis.edu/regis.asp?sctn=rcrcu&p1=ap&p2=fam&p3=reco |
| 3. | Music 88 – Recorder & Recorder Music TM |  | http://www.music88.com/remusic.htm |

Jadual 2 : Laman Web yang membangunkan maklumat berkaitan rekorder



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil dari tinjauan awal tersebut, pengkaji telah mendapati bahan rujukan untuk permainan rekoder tempatan adalah sangat berkurangan dan nisbah perbandingan antara bahan bercetak dari luar negara dengan bahan bercetak tempatan adalah 1:5. Manakala bahan rujukan internet ialah 3:1.

## 1.3 TUJUAN KAJIAN

Tujuan utama projek ini adalah membina atau membangunkan set Gubahan Lagu Tempatan untuk Ensemble Instrumental Rekoder Permulaan.

Objektif khusus projek ini adalah seperti berikut,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i) Menyediakan satu modul pembelajaran yang mengandungi skor-skor lagu sebagai kegunaan ensembel instrumental rekoder di sekolah.

ii) Menghasilkan modul pembelajaran yang dapat dijadikan sebagai bahan tambahan pengajaran dan pembelajaran instrumental rekoder di sekolah.

iii) Skor lagu-lagu yang digubah dijadikan alternatif kepada skor-skor lagu rekoder yang sedia-ada terdapat dalam buku kaedah pembelajaran dari luar negara.

iv) Skor-skor lagu yang digubah dipilih dari lagu-lagu tempatan.



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.4 KESIGNIFIKAN PROJEK

Sumber bahan-bahan rekoder dari luar negara terdapat dalam kuantiti yang banyak dengan pelbagai lagu barat yang digunakan sebagai pengisian utama. Samada ia terdiri daripada bahan-bahan bercetak yang menekankan kepada kaedah pembelajaran yang dibina oleh pakar-pakar muzik rekoder atau pun koleksi-koleksi lagu popular barat. Walau bagaimana pun, projek ini mengutamakan kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran tambahan yang boleh digunakan bertujuan untuk membantu keberkesanan pengajaran rekoder oleh guru-guru muzik di sekolah. Variasi penggunaan bahan pengajaran yang disampaikan kepada pelajar akan bertambah melalui pendedahan terhadap gubahan-gubahan lagu-lagu tempatan.

Pengisian buku yang dihasilkan ini diharap dapat membantu guru-guru muzik di sekolah untuk melaksanakan aktiviti pengajaran muzik rekoder dengan lebih sistematik. Penggunaan lagu-lagu tempatan juga diharap dapat melonjakkan semangat kecintaan para pelajar terhadap warisan budaya dan bangsanya. Melalui penggunaan melodi tempatan adalah diharapkan pelajar-pelajar akan lebih mudah menghayati elemen-elemen muzik yang difahaminya agar konsep dan kefahaman mereka terhadap muzik dapat diperkukuhkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.5 BATASAN PROJEK

Pembinaan projek modul pembelajaran rekoder permulaan sebahagian besarnya berpandukan kepada latihan pancaragam *'Standard of Excellence – Comprehensive Band Method'* oleh Bruce Pearson. Kemahiran-kemahiran penguasaan elemen-elemen muzik yang diterapkan melalui gubahan adalah pada tahap pertama *(Level 1)* berdasarkan kemahiran-kemahiran penguasaan pada buku tersebut. Batasan gubahan-gubahan dalam projek yang dibangunkan ini adalah seperti jadual di bawah;

| Tanda masa | $\frac{4}{4}$ | $\frac{4}{4}$ dengan anakrusis & $\frac{2}{4}$ | $\frac{3}{4}$ |
|---|---|---|---|
| Tandanada | C major  | F major/ D minor natural  | G major / E minor natural  |
| Jenis irama | Semibrif, minim & krocet  | Semibrif, minim, krocet & kuaver  | Semibrif, minim, krocet kuaver, minim bertitik & krocet bertitik  |
| Bilangan not | 7 not | 1 oktaf | 1 oktaf |
| Renj instrumen | Soprano<br>Alto<br>Tenor<br>Bass  | Soprano<br>Alto<br>Tenor<br>Bass  | Soprano<br>Alto<br>Tenor<br>Bass  |
| Artikulasi | Tanda pernafasan | Tie notes | Slur |
| Jenis Gubahan | Unison, duet dan gubahan lengkap | Unison, duet, trio dan gubahan lengkap | Unison, duet, trio, dron, kaunter dan gubahan lengkap |



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.6 DEFINISI ISTILAH

### 1.6.1 Ensemble muzik

Ensembel muzik ialah kumpulan yang terdiri daripada dua atau lebih ahli muzik yang mempersembahkan muzik instrumental atau vokal. Setiap stail muzik yang berbeza normanya mempunyai perkembangannya dari segi saiz dan komposisi dari ensembel yang berbeza, dan pemilihan dan penyediaan repetua adalah bergantung kepada cara sesuatu ensembel itu dipersembahkan.

### 1.6.2 Gubahan muzik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

*American Federation of Musicians* mendefinisikan gubahan sebagai seni menyediakan dan mengadaptasi sesuatu komposisi (ciptaan muzik) untuk tujuan persembahan dengan pengubahsuaian lagu dari bentuk asalnya. Sesuatu gubahan mungkin melibatkan proses pengharmonian semula, memfrasa, memperkembangkan komposisi supaya ia dapat menyampaikan struktur melodi, harmoni dan irama secara keseluruhan (Corozine 2002, p.3).

### 1.6.3 Buku Kaedah Pancaragam

Merupakan sesebuah buku yang mengandungi beberapa bentuk bahan pengajaran dan pembelajaran permainan alat pancaragam. Bahan-bahan yang terkandung dalam sesuatu buku kaedah pancaragam merangkumi asas notasi, kemahiran membaca skor, penjarian instrumen, latihan permainan alat muzik dan skor lagu. Fungsi buku kaedah pancaragam adalah



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membimbing pelajar memperkembangkan kemahiran-kemahiran terutamanya dalam permainan alat muzik pancaragam di samping memperolehi pengetahuan asas muzik (Rostam, 2009).

### 1.6.4 Unison

Dalam muzik orkestra, unison membawa maksud perbuatan memainkan not (atau beberapa siri not yang membentuk melodi) oleh alat-alat yang berbeza, samada dalam pic yang sama atau pada oktaf yang berbeza.

### 1.6.4 Duet

Duet ialah komposisi muzikal atau repetua untuk persembahan secara berpasangan (dua pemuzik). Dalam muzik klasikal, istilah tersebut sering digunakan untuk persembahan dua orang penyanyi atau pemain piano.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.6.5 Trio

Istilah trio digunakan untuk merujuk kepada persembahan yang melibatkan tiga orang pemuzik yang memainkan alat muzik yang sama atau berbeza. Manakala bagi muzik vokal, trio melibatkan tiga orang penyanyi yang terlibat dalam sebuah persembahan.

### 1.6.6 Dron



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam muzik, dron ialah kesan harmonik atau monofonik atau iringan di mana satu not atau kord dimainkan secara berterusan dalam sesebuah lagu. Kesan dron boleh diperolehi melalui permainan satu not yang berterusan atau pengualangan not. Dron terhasil samada dari instrumen muzik atau vokal.

### 1.6.7 Kaunter Melodi

Dalam muzik, kaunter melodi ialah sekuen dari beberapa not, bertindak sebagai melodi, ditulis untuk dimainkan serentak bersama melodi utama yang bersifat lebih menonjol. Kebiasaannya kaunter melodi memainkan peranan yang tidak begitu penting, dan didengari dalam tekstur yang mengandungi melodi dan muzik iringan.

### 1.6.8 Sibelius

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perisian komputer untuk menulis notasi-notasi muzik. Sibelius berperanan membantu pemuzik dan penggubah untuk membina gubahan muzik dalam bentuk notasi.



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi